BE STILL

DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. Since 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful as an added resource for churches to use in their onsite prayer meetings and services.



An Adaptable Prayer Guide

Feel free to adapt this prayer guide for your own use. It is available in English, Bahasa Malaysia and Chinese.




Love Gifts and Seeds

If you would like to support the work of 24-7 Prayer Asia, and sow into this ministry, you can make a gift [here](#).



To Subscribe

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any testimonies to share, please drop us a message to support@247prayerasia.com



Contact us

Email: support@247prayerasia.com

Boiler Room Bookings:

Petaling Jaya - Terry Law

terry.law@247prayerasia.com

Putrajaya - Josie Paul

josie.paul@247prayerasia.com

A fisherman is shown from the waist up, shirtless, pulling a large fishing net out of the water. The net is glistening with water and is partially illuminated by the bright, low sun. The background features a calm sea and distant hills under a golden sunset sky. The fisherman is in a blue boat, and the net is being pulled towards the right side of the frame.

JILID 2023-18 • ISU #162 • AHAD, APRIL 30, 2023

PANDUAN DOA MINGGUAN

EDISI MALAYSIA

BAGAIMANA MENGGUNAKAN PANDUAN DOA INI

Pause

- **Berhenti sejenak** dan berdiam;

Rejoice & Reflect


- **Bersukacita**, memuji dengan Mazmur dan merenung atas Alkamib;

Ask

- **Minta** dalam doa syafaat agar Allah campur tangan;

Yield

- **Serahkan** kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.





JEDA BERHENTI SEKETIKA

DIAMKAN DIRI SECARA SENGAJA

Luangkan masa untuk bertenang semasa anda mempersiapkan diri sebelum anda memasuki waktu doa ini. Bernafas secara mendalam, diamkan diri dan sambutlah Roh Kudus semasa anda masuk ke dalam hadirat Allah yang kudus.



RENUNGAN MENDENGAR FIRMAN TUHAN

MEMBACA DAN MERENUNG

Perlahankan diri. Luangkan masa untuk mendengar firman Tuhan sebelum kami berbicara dengan-Nya. Apakah yang Dia katakan dari Firman-Nya? Baca, renung-renungkan dan berehatlah dalam hadirat-Nya. Marilah kami mendekatkan diri kepada Dia yang kami kasihi, kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kami.

MAZMUR MINGGU INI



Mazmur 16:8-11^{AVB}

8 Aku sentiasa menurut panduan TUHAN.
Dia ada di sisi kananku, aku tidak akan goyah.
9 Maka hatiku bersukacita, dan lidahku bergembira;
jasadku juga akan tenteram dalam harapan,
10 kerana Engkau tidak akan meninggalkan rohku di alam maut,
dan Engkau tidak akan membiarkan Orang Suci-Mu reput.
11 Engkau akan menunjukkan aku jalan hidup;
di hadirat-Mu sepenuh bahagia dirasai,
di tangan kanan-Mu nikmat dikecapi selama-lamanya.



MENDENGAR FIRMAN TUHAN

LUKAS
24:36-43 ^{AVB}

TENGOKLAH TANGAN DAN KAKI-KU

36 Semasa mereka berkata-kata tentang segala perkara ini, Yesus sendiri berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata kepada mereka, "Damai sejahtera kepada kamu!" 37 Mereka terkejut dan berasa sangat takut kerana menyangka mereka melihat hantu. 38 Tetapi Yesus berkata kepada mereka, "Apakah sebabnya kamu takut? Mengapakah hatimu ragu-ragu? 39 Tengoklah tangan dan kaki-Ku. Inilah Aku. Sentuhlah Aku dan tengok. Hantu tidak berdaging dan bertulang sebagaimana yang kamu lihat ada pada-Ku." 40 Setelah Dia berkata demikian, Dia menunjukkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka. 41 Mereka masih tidak dapat percaya kerana terlalu gembira dan takjub. Yesus pun bertanya kepada mereka, "Adakah kamu mempunyai makanan di sini?" 42 Mereka memberi Dia sepotong ikan yang telah dimasak, lalu Dia mengambilnya dan makan di hadapan mereka semua.



BATU ASAS IMAN KITA

Kebangkitan Yesus merupakan batu asas iman orang Kristian. Tanpa kebangkitan-Nya, iman kita sia-sia sahaja seperti yang Paulus nyatakan di dalam 1 Korintus 15:17: "Dan jika Kristus tidak dibangkitkan, sia-sialah imanmu; dan kamu masih bergelumang dosa!" Oleh kerana Yesus bangkit dari maut, kita yakin di dalam iman kita serta mempunyai harapan untuk kehidupan kekal. Salah satu realiti kebangkitan adalah peristiwa Yesus bersarapan dengan murid-murid-Nya setelah Dia bangkit dari maut. Peristiwa tersebut mungkin tidak begitu penting kepada pembaca Alkitab, tetapi ia menyatakan betapa benarnya kebangkitan Yesus. Hari ini, marilah kita memperingati kenyataan kebangkitan Yesus, serta peristiwa Yesus makan bersama-sama murid-murid-Nya setelah kebangkitan-Nya. Marilah kita bersyukur atas kebenaran dan betapa nyatanya iman kita, untuk keyakinan kehidupan kekal, serta untuk Allah yang mengasihi kita sehingga sanggup menjangkau kita sebagai seorang manusia.



DOA KOMITMEN

Oleh itu, saudara-saudaraku, aku menyeru kepadamu, demi belas kasihan Allah, supaya mempersembahkan tubuh badanmu sebagai korban yang hidup, yang suci dan diterima oleh Allah; itulah ibadat yang wajar.

Roma 12:1 AVB

Abba Bapa, semoga kami mengingati realiti kebangkitan dan hidup dengan penuh harapan. Kami berdoa agar Engkau memberi kami keyakinan di dalam kebenaran iman kami serta keyakinan harapan kami di dalam Tuhan dan Juruselamat kami, Yesus Kristus. Allah Tuhan, kami menyerahkan kami kepada-Mu pada hari ini. Kami serahkan kehidupan kami sebagai korban yang hidup, kudus dan menyenangkan hati-Mu. Tolonglah kami memuliakan Engkau dengan tubuh kami, serta dengan jiwa dan minda kami. Semoga kami ingat bahawa Engkau tahu akan keperluan jasmani dan rohani kami, dan tolonglah kami tetap percaya pada-Mu untuk memenuhi segala keperluan kami. Semoga mata kami tertuju pada-Mu sentiasa, dan bersukacita di dalam hadirat-Mu. Kami berdoa agar Engkau akan tetap mengubah kami serupa seperti gambaran Anak-Mu, dan tidak mengikuti cara dunia, agar kami dapat memuliakan nama-Mu dalam segala sesuatu. Di dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.



MENYEMBAH

PUJIAN & KESYUKURAN

**Peliharakan aku,
ya Allah, aku
bernaung
kepada-Mu.
Wahai rohku,
kau telah
berkata kepada
TUHAN,
"Engkaulah
Tuhanku;
tiada kebaikan
bagiku selain
Engkau."**

Mazmur 16:1-2 AVB

Bapa Syurgawi, kami memuji dan menyembah-Mu oleh kerana kebangkitan Yesus Kristus. Kami terkagum atas kemenangan Yesus atas maut dan kebangkitan-Nya, menunjukkan bahawa Dia benar-benar Anak Allah dan Juruselamat kami. Kami bersukacita bahawa Yesus hidup, dan Dia telah memperoleh kemenangan atas maut untuk selama-lamanya. Allah Tuhan, kami memuji-Mu atas harapan hidup yang kekal. Kami bersyukur kerana pada satu hari kelak, kami juga akan bangkit dari maut dan bersama-sama-Mu untuk selama-lamanya. Kami berterima kasih bahawa kami yakin akan kebenaran iman kami yang berakar di dalam-Mu, dan kami boleh dipercayai-Mu sebagai tempat perlindungan dan ada pada kami. Di dalam nama Yesus kami berdoa, AMIN.

Cadangan Lagu Pembukaan

BETAPA DALAMNYA KASIH SETIAMU

Betapa dalamnya kasih setia-Mu
Betapa besarnya kebaikan-Mu
Hidupku dipenuhi kemuliaan-Mu
Indahnya O Yesus Tuhanku

Sempurnalah kehidupanku
Sejak Kau hadir dalam hatiku
Kau perhatikanku setiap waktu
O sungguh indahnya Yesus Tuhanku



<https://youtu.be/wHU3-ipyMys>

BERMINTA

DOA SYAFAAT

Inilah masa untuk Meminta, Mencari dan Mengetuk.

Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan. Doakan karunia Roh Kudus agar anda dapat melayani Dia melalui semua karunia Roh-Nya.

Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini.



1. PEMULIHAN NEGARA

"lalu umat Ku, yang dipanggil atas nama Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka." - 2 Tawarikh 7:14 AVB

NYATAKAN KEMENANGAN KRISTUS

- Kita terus menyatakan kemenangan dalam Nama Yesus yang perkasa atas alam rohani, dengan kekuasaan Dia di bumi dan di syurga, atas setiap rancangan dan cita-cita peribadi, atas setiap perbuatan dan kubu kuat serta perbuatan untuk menghalang kerja pembaharuan Injil di negara ini.
- Doakan Putera Damai akan bertakhta dan menghalang sebarang rancangan jahat dan perbuatan ganas.
- Doakan perlindungan Allah atas jiwa dan minda rakyat. Doakan Allah akan membuka mata rohani mereka yang buta untuk mengenal segala penipuan dan kejahatan di dalam budaya dan negara kita, serta kebenaran Injil yang membebaskan mereka.

NYATAKAN KEDAMAIAN ATAS MALAYSIA

- Berkati para raja dan pemimpin, termasuk Perdana Menteri dan menteri-menteri di dalam Kabinet beliau. Doakan hikmat luarbiasa dari Allah serta harmoni di dalam kerajaan campuran untuk memimpin negara ini.
- Nyatakan keamanan atas Malaysia, atas bandar atau kampung anda, serta atas komuniti dan jiran-jiran anda.
- Doakan penyembuhan atas negara kita yang berpecah-belah oleh kerana cara berpolitik yang terpesong berdekad-dekad ini, sehingga perpecahan kaum berlaku. Nyatakan keamanan atas komuniti yang berasa terpinggir dan berkati mereka.
- Setia berdoa dan meminta daripada Allah peluang untuk kongsi Injil.

PEMULIHAN DAN BINA SEMULA

- Doakan Perdana Menteri dan Kabinet beliau untuk berkhidmat dengan berkesan sebagai kerajaan campuran.
- Doakan kebijaksanaan dan keberanian bagi menguruskan pelbagai isu tempatan yang timbul baru-baru ini, dan kehendak politik untuk memerintah dengan benar dan adil.
- Doakan jaringan keselamatan sosial yang berkesan untuk mereka yang terkesan, terpinggir, dan miskin.
- Doakan pemulihan di sektor pendidikan, keselamatan nasional, kesihatan awam, kebajikan sosial, kewangan, ekonomi dan pentadbiran kerajaan melalui transformasi luarbiasa oleh kerana Injil Yesus Kristus.

2. KERAJAAN YANG BAIK & STABIL

"Dia terdahulu daripada segalanya, dan setiap yang wujud ada dalam-Nya." - Kolose 1:17 AVB



KESTABILAN POLITIK

- Doakan kestabilan politik memandangkan situasi di kalangan pemimpin yang tidak terjamin serta ketegangan di kalangan anggota kerajaan baru.
- Doakan perlindungan dari komplot untuk menggulingkan kerajaan.
- Doakan reformasi politik yang diperlukan untuk memastikan kestabilan masa depan Malaysia.



MEMPERBAHARUI PERKHIDMATAN AWAM

- Doakan salah satu inisiatif terpenting yang melibatkan reformasi perkhidmatan awam untuk memperbaiki keberkesanan dan tahap efisiensi.
- Doakan kebijaksanaan dan kehendak untuk melaksanakan pembaharuan yang strategik dan progresif yang dapat memperkasakan perkhidmatan kepada rakyat.
- Doakan kakitangan kerajaan tidak akan berasa terhutang budi terhadap mana-mana pihak.



MEMERANGI RASUAH

- Doakan SPRM (Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia) sewaktu mereka menyiasat ahli politik serta peniaga yang berkuasa, terutamanya tuduhan rasuah atas pengambilan tenaga pekerja asing baru-baru ini.
- Doakan kejayaan di dalam peperangan terhadap rasuah serta jenayah-jenayah profesional pada setiap lapisan kerajaan dan masyarakat.

3. PILIHANRAYA NEGERI YANG BAKAL BERLAKU

"Daripada seorang manusia Dia menjadikan semua bangsa manusia yang menduduki seluruh muka bumi; Dia juga menetapkan masa dan daerah tempat mereka hidup." -Kisah Para Rasul 17:26 AVB



- Doakan pilihanraya negeri di Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Kelantan, dan Terengganu, yang berkemungkinan besar berlaku pada bulan **Jun 2023**, di mana Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan.
- Doakan calon-calon yang baik akan diundi, dan akan berkhidmat dengan rendah hati dan integriti. Doakan ahli politik yang tidak bermoral akan ditolak oleh pengundi kerana mereka menggunakan retorik agama dan perkauman.
- Doakan keamanan sepanjang persiapan pilihanraya negeri. Doakan pihak berkuasa akan peka dan melindungi rakyat dari sebarang pihak yang ingin mengungkitkan sentimen-sentimen bangsa dan agama untuk menyebabkan huru-hara.
- Doakan pilihanraya yang aman, dengan keputusan yang dapat menolong negara kita mengalami kedamaian dan stabiliti negara.
- Doakan para pengundi akan bijaksana dan tidak dipengaruhi oleh berita palsu di media sosial.

4. BADAN KEHAKIMAN YANG BENAR

"Dia akan menyatakan perbenaranmu seterang cahaya, dan keadilanmu seterang matahari tengah hari." - Mazmur 37:6 AVB



KEBEBASAN BADAN PENGHAKIMAN

- Doakan perlindungan ilahi atas badan kehakiman daripada serangan ahli politik yang berkuasa.
- Doakan tekanan politik atas YDP Agong dan Lembaga Pengampunan tidak akan berjaya.



PEMBICARAAN PENGHAKIMAN DAN YANG BAKAL BERLAKU

- Berdoalah agar keadilan akan berlaku atas kes-kes korupsi yang berprofil tinggi dan melibatkan ahli-ahli politik yang berkuasa.
- Doakan agar para hakim akan adil, saksama, berani, bijaksana, dan benar.
- Doakan perlindungan atas Badan Kehakiman, Perundangan, SPRM, dan pejabat Peguam Negara untuk bekerjasama dengan sebaik mungkin.



PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

- Doakan usaha untuk memperbaharui undang-undang akan berjaya.
- Doakan sebarang pertikaian antara Muslim dan bukan Muslim tentang penukaran agama kanak-kanak, pengebumian semula mereka yang meninggal, serta hak-hak pewaris, akan dikendalikan dengan penuh hikmat dan adil untuk memelihara kebebasan beragama dan hak-hak semua orang.



AKADEMI PENGHAKIMAN BEBAS

- Terus doakan proses perantikan para hakim akan semakin diperbaiki dengan melibatkan semua pihak yang wajib, terutamanya pengasingan kuasa dari cabang eksekutif.
- Doakan penubuhan akademi penghakiman yang bebas sepenuhnya dibentuk untuk memenuhi keperluan melatih hakim-hakim baru untuk mahkamah atasan.

5. PENDIDIKAN, BELIA & KANAK-KANAK

"Kerana Dia akan menolong orang sesak yang berseru kepada-Nya, dan orang yang menderita, serta mereka yang tidak ada penolong. Dia akan mengasihani orang yang miskin dan memerlukan bantuan, Dia akan menyelamatkan orang yang perlu diselamatkan."
- Mazmur 72:12-13 AVB



MENGHAPUSKAN PERKAHWINAN DI BAWAH UMUR

- Perkahwinan bawah umur merupakan fenomena global yang menjejaskan kehidupan jutaan kanak-kanak setiap tahun. Baru-baru ini, terdapat laporan bahawa banyak gadis-gadis di bawah umur dinikahkan sepanjang pandemik Covid-19 oleh kerana tekanan kewangan dan penutupan sekolah, terutamanya di Asia Selatan. Kira-kira 15,000 kes perkahwinan bawah umur berlaku di Malaysia dari 2007-2017 dan merentasi semua komuniti.
- Doakan kerajaan akan mempunyai kehendak politik untuk meningkatkan umur minima untuk berkahwin, dan mengubah undang-undang yang meluluskan perkahwinan bawah umur. Doakan kesedaran di kalangan ibubapa untuk mengubah pola pemikiran mereka dari segi adat dan sosial agar perkahwinan bawah umur tidak lagi berlaku.
- Doakan perlindungan gadis-gadis muda daripada eksploitasi dan penganiayaan - terutamanya mereka yang berlatarbelakang miskin, yang bukan warganegara, pelarian, dan meminta perlindungan politik.
- Doakan gadis-gadis muda diberi peluang yang sama rata untuk melanjutkan pelajaran mereka dan membuat keputusan peribadi dalam hal-hwal perkahwinan.

6. PANTAUAN ATAS KESIHATAN AWAM

"TUHAN merapati orang yang patah hati dan menyelamatkan orang yang menyesal." - Mazmur 34:18 AVB



AMARAN COVID

- Doakan pihak awam akan tetap berwaspada akan peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini.
- Doakan perlindungan ilahi atas rakyat memandangkan kekerapan perjumpaan sosial sepanjang musim Hari Raya.
- Doakan hospital-hospital dan kakitangan kesihatan akan bersedia.



AMARAN JEREBU

- Doakan Allah akan menukar hala tiupan angin agar jerebu dari utara Indochina akan berhenti.
- Doakan pihak awam akan berwaspada untuk melindungi mereka dari kualiti udara yang merosot.
- Doakan hujan atas kawasan panas untuk menyelesaikan punca jerebu.



SITUASI KONTRAK

- Doakan kehendak politik untuk mempercepatkan penyelesaian tentang status doktor kontrak serta jawatan tetap di dalam sistem kesihatan awam. Doakan mereka akan dilayan dengan adil dan saksama.
- Doakan penubuhan Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan.

DOKTOR



SEKTOR AWAM KESIHATAN MENGHADAPI MASALAH PERUBATAN

- Doakan kerumitan kewangan Pharmaniaga dapat diselesaikan agar perkhidmatan hospital tidak terjejas. Syarikat tersebut adalah satu-satunya pembekal ubat dan bekalan perubatan kepada hospital kerajaan.
- Doakan bekalan para pesakit tidak akan terjejas.

7. DOA UNTUK NEGERI: SELANGOR

"Perbenaran meninggikan martabat sesuatu bangsa, tetapi dosa menjadi keaiban mana-mana sahaja bangsa."
- Amsal 14:34 AVB



- Selangor mendapat namanya daripada gelaran Arab, **Darul Ehsan**, ataupun "Rumah Kemurahan Hati", mempunyai paling ramai penduduk kerana ia merupakan pusat ekonomi dan kewangan negara. Wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya terletak di negeri ini.
- Doakan pihak kerajaan negeri akan berwawasan dan berkesan dalam penubuhan dasar-dasar yang akan memajukan negeri ini, serta bertindak menghadapi cabaran penghijrahan dari kawasan luar bandar ke bandar, terutamanya hal-ehwal perumahan awam, kemiskinan bandar, dan jenayah. Doakan semua orang yang berhijrah dari kawasan luar bandar ke Selangor dapat mencari komuniti dan sokongan di tempat tinggal baru, dan mereka akan mengenali kasih Kristus melalui gereja-gereja tempatan.
- Doakan kerajaan Allah akan maju di kawasan-kawasan tersebut, dan ramai akan diselamatkan dan dimuridkan melalui penubuhan gereja baru. Doakan perpaduan, hikmat, dan kearifan untuk mereka yang terlibat dalam penubuhan gereja baru serta menguatkan gereja yang sedia ada.

8. PEMBAHARUAN GEREJA

"Tetapi kamu umat terpilih, para imam raja, bangsa suci, umat-Nya sendiri, yang dipilih untuk mengisytiharkan puji-pujian bagi Dia yang telah memanggilmu daripada kegelapan kepada cahaya-Nya yang gemilang." - 1 Petrus 2:9 AVB



GEREJA YANG BERTAUBAT

- Doakan jiwa dan minda yang diperbaharui dengan kerinduan Firman Allah serta ketaatan kepada-Nya.
- Doakan agar kita mencontohi gambaran Allah kepada dunia, terutamanya dalam kasih, kekudusan, dan kebenaran.
- Doakan kasih karunia untuk mengenal dosa serta pertaubatan setiap hari.



GEREJA YANG BERDAMAI

- Doakan umat Kristian akan saling mengasihi dengan mendalam, sedia saling mengampuni sepertimana Allah telah mengampuni kita.
- Doakan kerendahan hati untuk berdamai dan bersatu.
- Berkatilah mereka yang berdamai agar mereka dipenuhi hikmat.



GEREJA YANG BERTUMBUH

- Doakan semangat untuk memuridkan semua bangsa dan mengajar mereka melakukan yang sama.
- Doakan kuasa Roh Kudus untuk memberitakan Injil ke seluruh dunia, bermula dengan mereka di sekeliling kita.



GEREJA YANG KENTAL

- Doakan kekuatan untuk mengatasi semua cabaran dan halangan sewaktu mengikuti Yesus, serta keberanian untuk berdiri teguh di dalam iman sambil menyatakan kebenaran di dalam kasih.
- Doakan kesetiaan sewaktu berdepan dengan penganiayaan dan ancaman.



GEREJA YANG SENTIASA BERBELAS KASIHAN

- Doakan kepekaan kepada keperluan orang lain serta jiwa yang berbelas kasihan untuk menolong mereka.
- Doakan keberanian untuk menjadi alat Allah kepada mereka yang sakit.

9. MENJANGKAU YANG SESAT, SAKIT, DAN DIPINGGIRKAN

"Roh Tuhan ada pada-Ku kerana Dia telah mengurapi Aku untuk memberitakan khabar baik kepada orang miskin; Dia telah mengutus Aku untuk mengumumkan pembebasan kepada orang tawanan, penyembuhan kepada orang buta, kelepasan bagi orang yang tertindas." - Lukas 4:18 AVB



DOA-UNTUK-7

- Doakan Roh Kudus akan memberi kita nama 7 orang kawan, keluarga dan rakan sekerja untuk mengetahui Kristus sebagai Juruselamat dan Tuhan peribadi mereka.
- Doakan peluang kongsi Injil dengan mereka.



CAMPURTANGAN TUHAN

- Mintalah hati yang berubah untuk mengasihi sebagaimana Yesus mengasihi.
- Doakan peluang dan campur tangan ilahi untuk perkongsian Injil.
- Doakan kepekaan untuk mengikuti gerakan Roh Kudus.



PENYEMBUHAN BAGI MEREKA YANG SAKIT

- Doakan agar Tuhan akan menyembuhkan mereka yang sakit.
- Doakan mereka yang mengalami cabaran kesihatan mental.
- Doakan penjaga pesakit akan dikuatkan.



HAK PEKERJA PELARIAN DIPELIHARA

- Doakan dasar-dasar yang tidak berperikemanusiaan terhadap pelarian akan dimansuhkan, agar mereka dipelihara daripada risiko-risiko seperti eksploitasi, ditangkap, dan ditahan tanpa sebab.

10. KEHIDUPAN KELUARGA

"Berusahalah mendapatkan perdamaian dengan semua orang, serta kesucian; tanpanya tiada sesiapa pun dapat melihat Tuhan."
- Ibrani 12:14 AVB



PERKAHWINAN

- Doakan perkahwinan yang bahagia, di mana suami menunjukkan pemahaman dan menghormati isteri dia, kerana kedua-dua mereka merupakan rakan pewaris yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup, agar *"doamu kepada Allah tidak akan terhalang."*
- 1 Pet 3:7



KAUM BELIA & DEWASA MUDA

- Doakan atas para belia dan dewasa muda agar mereka akan membesar di dalam iman dan menjadi kuat di dalam Tuhan. *"Jangan biarkan sesiapa menghinamu kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian."* - 1 Tim 4:12



KANAK-KANAK

- Doakan perlindungan ilahi atas kanak-kanak, terutamanya pengaruh dan budaya dunia digital.
- Doakan mereka akan bertumbuh dengan matang dalam iman dan kebijaksanaan, seperti di dalam Lukas 2:52, *"Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai Allah dan manusia."*



RUMAHTANGGA

- Doakan ibubapa meneladani Kristus dalam segala aspek untuk anak-anak mereka, serta menjadi contoh positif di dalam keluarga dan komuniti.
- Berkati para bapa dengan kesabaran, persefahaman, dan belas kasihan sewaktu memenuhi tanggungjawabnya.



DIRI SENDIRI

- Berdoa untuk diri sendiri menjadi duta Kristus yang setia, berhati tulus, tekun berdoa dan mendalami Firman Tuhan sentiasa.
- Doakan agar kita akan tetap kudus dan benar agar doa kita berkesan dan berkuasa.

11. FOKUS: ORANG ASLI

"Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?" - Mikha 6:8 AVB



- Doakan suku-suku Orang Asli diberi kebebasan menganut agama tradisional mereka tanpa diskriminasi.
 - Doakan 137 orang dari suku Bateq Mayah di Pahang yang menentang penukaran agama secara paksaan.
- Doakan perlindungan atas tanah pusaka Orang Asli agar tetap dipelihara dari eksploitasi, pembalakan tanpa kawalan, dan permusnahan alam persekitaran. Doakan keadilan untuk semua Orang Asli, agar hak-hak tanah pusaka serta corak hidup mereka dapat diiktirafkan dan dipelihara oleh pihak berkuasa.
 - Doakan Orang Asli dari Kampung Pos Lanai di Kuala Lipis yang telah saman kerajaan negeri Pahang dan Putrajaya atas hak tanah adat mereka yang akan dibicarakan dari April 10-13.
 - Doakan kehendak Orang Asli di Johor akan dihormati oleh semua pihak untuk memelihara tanah adat mereka tanpa sebarang campurtangan dari pihak luar untuk menukar status tanah mereka.

12. ASIA DAN DUNIA

"Bangsa-bangsa akan datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu." - Yesaya 60:3 AVB



BANTAHAN DI IRAN

- Doakan keselamatan semua yang membantah untuk menolak undang-undang wajib memakai hijab.
- Doakan jiwa-jiwa para pemimpin kerajaan agar mereka dapat mengalami terang Kristus yang dapat mengubah hati mereka.
- Doakan kebenaran Injil dapat membebaskan mereka.



KEDAMAIAN DI KALANGAN BANGSA

- Doakan keganasan dan ketegangan yang meningkat di antara pelbagai negara, komuniti, dan persekutuan antarabangsa akan berhenti: China-Taiwan, China-USA, Rusia-Ukraine, dan Israel-Palestin.
- Doakan keganasan di Myanmar dan Congo akan berhenti.
- Doakan Injil dapat membawa keamanan ke semua bangsa.



KEBANGKITAN ROHANI

- Asia merupakan rantau di mana pelbagai budaya, agama, dan sistem kepercayaan berada. Doakan kebangkitan rohani agar orang ramai akan mengalami kasih sayang dan kebenaran Allah.
- Doakan gereja yang teraniaya, terutamanya di Korea Utara dan China, agar umat Kristian di sana akan tetap setia dalam iman.



KEAMANAN DI SUDAN

- Doakan perdamaian atas Sudan serta perebutan kuasa antara kepimpinan tentera akan berhenti.
- Doakan kebebasan beragama yang lebih akan muncul dari hasil perdamaian.
- Doakan gereja yang teraniaya menjadi saksi yang berkuasa dan akan terus menjadi suara yang berani, membawa damai dan harapan.



DOA SPONTAN & KESYUKURAN

**Tambahlah doa dan
kesyukuran sendiri**

**"Kita dapat menghadap Allah
dengan keyakinan bahawa Dia
mengabulkan segala doa kita
yang selaras dengan
kehendak-Nya."**


1 Yohanes 5:14 AVB

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebankan hati anda sekarang. Bersyukur juga atas doa yang dimakbulkan.



MENYERAH DIRI

Semasa kita mengakhiri masa syafaat ini, marilah kita menyerah sepenuhnya kepada kehendak Bapa Syurgawi kami untuk semua yang telah kita doakan, agar di mana sahaja Dia menempatkan kita, kita yang telah diberkati akan menjadi berkat kepada yang lain.



DOA PENUTUP

Mari kami menyatakan kedatangan Kerajaan-Nya

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.

Datanglah kerajaan-Mu.

Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.

Berilah kami makanan untuk hari ini.

Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.

Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. **AMIN.**

Matius 6:9-13 AVB



Cadangan Lagu Penutup

JANGAN LELAH

Jangan lelah
Bekerja di ladangNya Tuhan
Roh Kudus yang bri kekuatan
Yang mengajar dan menopang

Tiada lelah
Bekerja bersamaMu Tuhan
Yang selalu mencukupkan
Akan segalanya

Reff:

Ratakan tanah bergelombang
Timbunlah tanah yang berlubang
Menjadi siap dibangun
Di atas dasar iman



<https://youtu.be/Lbih-v74hN0>




TETAPKAN HATI DALAM TUHAN

BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

LATAR BELAKANG & MAKLUMAT

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Tuhan datang dan kehendak Tuhan dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Untuk tahun 2023, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan kalian menggunakan sumber ini di gereja secara bersemuka atau dalam talian.



Panduan Doa Yang Boleh Disesuaikan

Panduan doa ini boleh disesuaikan untuk kegunaan anda sendiri. Ia boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.




Pemberian Kasih dan Menyemai Benih

Jika anda ingin menyokong kerja 24-7 Doa Asia, dan menyemai dalam pelayanan ini, anda boleh memberi hadiah kasih [di sini](#).



Untuk Melanggan

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hantar mesej kepada kami ke support@247prayerasia.com



Hubungi Kami

Emel: support@247prayerasia.com
Tempahan **Bilik Doa Boiler:**
Petaling Jaya - Terry Law
terry.law@247prayerasia.com
Putrajaya - Josie Paul
josie.paul@247prayerasia.com